



**MURNIZAM (dua kanan) menyampaikan cenderamata kepada Rozman diperhatikan Zamri (kanan) di Menara Perbadanan Labuan, kelmarin.**

# Pengarah UMSKAL kunjungi Ahli Parlimen Labuan

UB 25. 9. 2014 AG

**LABUAN:** Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang baharu Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli, kelmarin.

Majlis yang berlangsung di Pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan, Tingkat 10, Menara Perbadanan Labuan di pusat bandar itu bertujuan menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan Rozman sebagai pemimpin nombor satu di Wilayah Persekutuan Labuan.

Murnizam menyampaikan beberapa perkembangan terkini mengenai pembangunan akademik, sahsiah pelajar, pembangunan fizikal, jumlah pelajar antarabangsa dan aktiviti

kemasyarakatan.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, pihaknya akan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa terutama dari negara Asean dan BIMP-EAGA untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka di UMS Labuan.

“Ketika ini terdapat kira-kira 176 pelajar antarabangsa dari China, Tanzania dan Turki di samping 50 pelajar baru dari China dan Brunei Darussalam,” katanya.

Sementara itu, Rozman yang juga pengerusi Perbadanan Labuan mengalu-alukan langkah UMSKAL untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa kerana ia mampu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di menara gading itu.

Katanya, kehadiran pelajar dari dalam dan luar negara turut membantu menjana ekonomi, menambah jumlah penduduk, kuasa beli dan industri pelancongan tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau juga berharap program anjuran UMSKAL akan membabitkan komuniti setempat bagi mendedahkan pelajar kepada adat dan budaya masyarakat tempatan.

“Saya akan sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama terhadap usaha memartabat dan meningkatkan imej serta kualiti di UMS Labuan,” katanya.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL Zamri Mohamad Tuah dan Pegawai Khas Menteri Wilayah Persekutuan Rosli Omar.